

# Mahathir: Vietnam tiada hak masuk Kampuchea

UM 27 JUL 1982

*Walaupun alasan untuk  
pertahanan diri*

Oleh: DAUGLAS TAY.

**K**UALA LUMPUR 26 Julai - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan kepada Vietnam bahawa ia tidak mempunyai hak untuk memasuki Kampuchea walaupun atas alasan untuk mempertahankan diri.

Beliau memberitahu Menteri Luarnya, Encik Nguyen Co Thach bahawa tindakan mereka itu akan hanya mewujudkan satu ikatan yang amat merbahaya.

Perdana Menteri berkata, langkah Vietnam itu akan membuat negara-negara kecil merasa terancam kerana kuasa-kuasa besar boleh mengikut jejak mereka untuk menceroobh jiran masing-masing.

Beliau menegaskan demikian dalam perbincangan 45 minit dengan Encik Co Thach di pejabatnya. Encik Co Thach yang tiba semalam untuk lawatan rasmi selama tiga hari itu melanjutkan kehadirannya di sini sehari lagi.

Menteri Luar Vietnam itu juga menyampaikan jempunan melawat Hanoi kepada Datuk Sri Dr. Mahathir. Perdana Menteri menerima undangan tersebut. Tarikhnya tidak ditetapkan.

Menurut taklimat yang diberikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zakaria Ali kepada para wartawan selepas perbincangan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir juga telah memberitahu Vietnam bahawa Kerajaan Heng Samrin di Kampuchea sekarang adalah tidak sah kerana ia bukan kerajaan pilihan rakyat Kampuchea.

Kerajaan Heng Samrin merupakan kerajaan boneka Vietnam yang ditubuhkan sejak pencerobohan Vietnam ke bumi Kampuchea awal 1979 dahulu.

Kata Perdana Menteri, "Kamu (Vietnam) tidak harus menceroobhi wilayah jiran-jiran kamu, seperti mana negara-negara lain tidak harus menceroobhi wilayah kamu".

Beliau juga menyatakan bahawa Malaysia mengambil pendekatan yang bertujuan memastikan perebutan di antara kuasa-kuasa besar di rantau ini dapat disingkirkan.

Malaysia juga tidak mahu kuasa-kuasa besar menguasai atau campurtangan dalam hal ehwal mana-mana negara di sini, tegasnya.

Perdana Menteri seterusnya berkata segala usaha ASEAN adalah untuk membolehkan rakyat Kampuchea memilih kerajaannya yang sah.

Tujuan itu adalah juga selaras dengan azam ASEAN untuk mewujudkan satu kawasan yang aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN) di Asia Tenggara.

Perdana Menteri berkata, meskipun penyelesaian isu Kampuchea masih belum kelihatan, Malaysia mengalu-alukan lawatan Menteri Luar Vietnam itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir berharap dialog di antara negara Indo-China itu dengan Malaysia dan negara-negara lain ASEAN akan dapat diteruskan.

Dalam perbincangan tersebut, Perdana Menteri juga menyatakan bahawa matlamat ASEAN dan Vietnam adalah sama, yang berbeza hanyalah pendekatan sahaja.

Sementara ASEAN merasa bimbang terhadap pendudukan Vietnam di Kampuchea, pihak Vietnam pula berkata pendudukan itu adalah untuk mengelakkan "ancaman (agresi) China" dan untuk melindungi Kampuchea.

Perbezaan dalam pandangan kedua pihak inilah yang menyebabkan isu Kampuchea sehingga hari ini tidak dapat diselesaikan menerusi pendekatan politik.

Menteri Luar Vietnam, Co Thach dalam perbincangan itu kemudian menjelaskan bahawa Vietnam perlu menghantar tenteranya ke Kampuchea kerana "hendak mempertahankan diri dan melindungi Kampuchea daripada ancaman Komunis China."

Beliau juga dalam lawatan rasmi selama tiga hari ke Malaysia juga berkata pihaknya bersetuju kepada konsep ZOPFAN, ASEAN itu.

Ditanya tentang suasana perbincangan di antara Perdana Menteri dengan Menteri Vietnam itu, Tan Sri Zakaria berkata "suasannya adalah mesra dan serius".

Terdahulu dari itu, Menteri Luar Vietnam telah berbincang dengan rakan sejawatnya, Tan Sri Ghazali Shaffe di Kementerian Luar pagi ini.

Perbincangan pusingan pertama itu bagaimanapun tidak dapat mencapai kata sepakat dalam usaha mencari penyelesaian politik bagi masalah Kampuchea.

Kedua-dua Menteri Luar itu akan berbincang buat kali kedua esok.

Menurut Tan Sri Zakaria Ali yang memberikan taklimat kepada para wartawan di Wisma Putra tengah hari ini, Tan Sri Ghazali dan Co Thach masing-masing menjelaskan kedudukan masing-masing mengenai Kampuchea.

Kedua-dua pihak itu didapati tidak mempunyai perbezaan dalam tujuan utama mereka untuk mewujudkan keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Dalam perbincangan itu, Tan Sri Ghazali telah bertanya tentang "ancaman terselindung" yang dilaporkan datang dari Vietnam terhadap ASEAN.

Encik Co Thach menjelaskan bahawa beliau tidak bercakap tentang "tindakan subversif" semasa berada di Singapura minggu lalu.

"Beliau menerangkan kedudukan Vietnam iaitu jika negara-negara ASEAN terus bermusuhan dengan Vietnam dan negara-negara Indo-China, maka mereka (Indo-China) mempunyai hak untuk mempertahankan diri," kata Tan Sri Zakaria.

Tan Sri Zakaria juga berkata pemimpin Vietnam telah menyatakan bahawa "bukanlah kegiatan subversif" yang hendak dilakukan oleh Vietnam.

Pihak Vietnam juga berharap ia tidak akan terpaksa menggunakan hak pertahanan diri itu, tambahnya.

Tan Sri Ghazali pula telah menerangkan kepada pemimpin tetamu itu tentang sokongan dan tanggapan Malaysia terhadap Kerajaan Campuran Kampuchea Demokratik.

Malaysia juga menjelaskan bahawa ia berpegang teguh pada dasar yang berkehendakkan penyelesaian politik bagi Kampuchea dan bukan penyelesaian menerusi tentera.